



MAJLIS SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN

**PESTA SUKAN DAN KEBUDAYAAN
PERKHIDMATAN PELAJARAN
PERINGKAT NEGERI JOHOR
KALI KE-41**

25 HINGGA 27 OKTOBER 2013


**MAJLIS SUKAN DAN KEBUDAYAAN
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DAERAH JOHOR BAHRU**

Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru
80100 Johor Bahru

**MAJLIS MAKAN MALAM
PESTA SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN
PERINGKAT NEGERI JOHOR KALI KE-41**

**TEMPAT: DEWAN SMK MOHD KHALID, JOHOR BAHRU
26 OKTOBER 2013**


- 7.30 malam : Para jemputan dan kontijen mengambil tempat.
- 8.00 malam : Ketibaan Yang Berusaha
Tuan Haji Mohd Nor Bin A. Ghani
Pengarah Pendidikan Johor
- : Bacaan Doa.
- : Majlis Makan Malam.
- : Pertandingan Akhir Nyanyian
- : Penyampaian Hadiah Pemenang.
- : Bersurai



**MAJLIS PENUTUPAN RASMI
PESTA SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN
PERINGKAT NEGERI JOHOR KALI KE-41**

**TEMPAT: STADIUM HOKI TAMAN DAYA
27 OKTOBER 2013**

- 4.00 petang : Ketibaan Yang Berusaha
Tuan Hj Mohd Nor Bin A. Ghani
Pengarah Pendidikan Johor
- 4.15 petang : Kontijen masuk ke padang.
- : Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan
- : Ucapan Pengerusi Jawatankuasa
Pengelola Kejohanan
- : Ucapan Penutupan Rasmi Oleh
Pengarah Pendidikan Johor.
- : Bendera Kejohanan diturunkan.
- : Penyerahan Bendera Kejohanan
kepada tuan rumah tahun 2014.
- : Nyanyian Lagu Negaraku
- : Bersurai



KATA-KATA ALUAN

PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Saya bersyukur kerana diberi kesempatan untuk mengucapkan selamat datang dan terima kasih atas keterlibatan tuan-tuan dan puan-puan kerana menayakan Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan kali Ke-41, 2013.

Aktiviti sukan telah pun dijadikan sebagai fokus dalam sistem pendidikan pada hari ini yang akan menjadi aktiviti yang wajib dijalankan sepanjang tahun. Pesta ini merupakan suatu wahana untuk mencapai wawasan negara dalam pembudayaan sukan dalam kalangan kakitangan jabatan dan sekolah. Budaya sukan adalah perengkap kecemerlangan sistem pendidikan bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek ke arah pembinaan negara bangsa Malaysia.

Pihak jabatan sentiasa mendukung hasrat KPM dan sentiasa responsif terhadap keperluan individu ke arah pemupukan dan pembinaan bakat dalam semua bidang terutama sukan. Dasar 1 Murid 1Sukan yang diwajibkan di peringkat sekolah mampu melahirkan golongan pelajar dan guru serta kakitangan sekolah berkemahiran dan berketertampilan tinggi dalam permainan dan sukan. Secara tidak langsung, pemupukan bakat dan potensi di peringkat ini akan melahirkan atlit-atlit yang berbakat di peringkat lebih tinggi.

Dasar ini sebenarnya selaras dengan Dasar Sukan Negara yang bermatlamat untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat. Dasar sukan Negara dimulakan di peringkat sekolah melalui dua strategi iaitu Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan. Menerusi pendekatan seumpama ini, semua warga kerja akan sentiasa cergas dari aspek fizikal dan cerdas dari aspek minda dan keupayaan berfikir. Oleh yang demikian, penyertaan warga jabatan dalam sukan adalah amat penting sebagai satu landasan mendukung aspirasi 1 Malaysia yang sihat, cergas, dinamik dan bersatu padu.

Selain memupuk perpaduan dalam kalangan kakitangan berlainan bangsa, aktiviti sukan juga dapat memberikan keseimbangan antara keperluan akademik dengan keperluan fizikal. Aktiviti seperti ini memberikan akses kepada semua kakitangan awam mendapatkan faedah daripada penglibatan dalam sukan khususnya kepada kakitangan yang kurang atau tidak aktif. Aspek-aspek yang saya sebutkan ini amat penting sekali dalam usaha kerajaan kita untuk membina negara bangsa, membangunkan modal insan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Sebagai mengakhiri kesempatannya ini, sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada warga pendidik dan kakitangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menayakan pesta kali ini

Sekian, terima kasih.
'Majulah Sukan Untuk Negara'



(MOHD NOR BIN GHANI)
Pengarah Pendidikan Johor

KATA-KATA ALUAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JOHOR BAHRU

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t dan salam satu Malaysia.

Terlebih dahulu pada kesempatan ini saya selaku Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua peserta yang sudi hadir bagi memeriahkan Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran kali ke 41 tahun 2013. Selamat datang ke Johor Bahru.

Pihak PPD sentiasa mendukung hasrat KPM dengan sentiasa responsif terhadap keperluan peserta ke arah pemupukan dan membina bakat bagi yang terpendam dalam bidang sukan dan kebudayaan. Sukan pada hari ini bukan selakat satu aktiviti hobi dan riadah, bahkan sukan telah menjadi satu gaya hidup sihat, dan merupakan pelaburan terhadap kesihatan dan ekonomi yang menguntungkan.

Dalam pesta sedemikian rupa kejayaan selalu menjadi pengukuran yang jitu. Selalunya juara menjadi kebanggaan semua pihak sama ada menerusi sanjungan, pujian dan pemberian insentif. Kesenambungan untuk mencipta nama di peringkat lebih tinggi perlu disemat di hati sanubari setiap kakitangan untuk menjulang nama organisasi masing-masing.

Dalam konteks PPD semua peserta amat bertuah sekali kerana pihak jabatan sentiasa memberi galakan dan dorongan yang berterusan serta memberi peluang yang seluas-luasnya kepada peserta untuk bergiat dalam bidang sukan.

Sememangnya aktiviti sukan sama ada sukan permainan atau sukan olahraga cukup penting kepada rakyat dan negara, khususnya generasi anak bangsa pewaris nusa yang tercinta. Selain dapat menjamin kecerdasan, kecerdasan minda dan kesihatan, aktiviti sukan yang melibatkan peserta daripada pelbagai kaum dan agama dapat memupuk semangat kesukanan dan perpaduan sekali gus mengeratkan tali silaturahim dan muhibah.

Aspek-aspek yang saya sebutkan ini amat penting dalam usaha kerajaan kita untuk membina negara bangsa, membangunkan modal insan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Sebagai mengakhiri kata alu-aluan ini, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah Pendidikan Johor serta warga pendidik dan kakitangan jabatan yang telah sudi menerima undangan kami pada Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran kali ke 41 di Johor Bahru.

Sekian, terima kasih.

“MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA”

(BAHROM BIN ALI)

Pegawai Pelajaran Daerah Johor Bahru

JAWATANKUASA PENGELOLA

Penaung	:	Tuan Hj Mohd Nor bin A. Ghani Pegarah Pendidikan Johor
Pengerusi	:	Tuan Haji Bahrom Bin Ali Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru
Timbalan Pengerusi	:	Tuan Haji Hafith Bin Ismail Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah JB
Naib Pengerusi	:	Tuan Haji Ahmad Taufik Bin Hamzah Ketua Unit , Unit Pembangunan Kemanusiaan Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru
Setiausaha	:	Encik Mohd Amir Bin Hj Yunus Penyelia Kanan Pembangunan Sukan PPD Johor Bahru
Penolong Setiausaha	:	Encik Mohammad Khafiz Bin Mohamad Ali Penyelia Sukan , PPD Johor Bahru
Bendahari	:	Tuan Haji Ahmad Taufik Bin Hamzah Ketua Unit , Unit Pembangunan Kemanusiaan Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru

AHLI JAWATANKUASA KECIL

Teknik Pertandingan/Venue	:	Penolong Pegawai Pendidikan HEM
1.1. Bola Sepak Veteran	:	SMK Tasek Utara
1.2. Bola Sepak Senoir	:	SMK Tasek Utara
1.3. Futsal	:	SMK Taman Tun Aminah
1.4. Bola Jaring	:	SMK Sri Tebrau
1.5. Sepak Takraw	:	SMK Taman Universiti
1.6. Memanah	:	SMK Damai Jaya
1.7. Badminton	:	SMK Tmn Selesa Jaya
1.8. Jogathon	:	JPN
1.9. Boling	:	SK Kempas
1.10. Golf	:	SMK Tasek Utara 2
1.11. . Kebudayaan	:	Sekolah Seni Johor Bahru
1.12. Pingpong	:	SK Nong Chik
1.13. Hoki	:	SK TAR2
1.14. Petanque	:	Kolej Vokasional ERT Azizah
1.15. Bola Tampar (wanita)	:	SK Majidee Baru

Penginapan	:	Pengetua SMK Majidi Baru 2
Perasmian Penutup & Hadiah & Cenderamata	:	Pengetua SMK IJ Convent
Pertolongan Cemas	:	Pengetua SMK Tun Sued Nasir
Kawalan & Keselamatan	:	Pengetua SMK Dato Abdul Rahman Yasin
Jamuan Makan Malam & Minuman Pegawai	:	Pengetua SMK Bandar Uda
Kad Jemputan, Sambutan & Protokol	:	Pengetua SMK SETA
Rakaman , Dokumentasi Buletin/ Buku Program	:	Pengetua SMK Sri Rahmat
Publisiti & Siaraya	:	Guru Besar SK Kampong Pasir
Tajaan, Derma & Iklan	:	MPSM/MGB SK/SJKC/SJKT
Persiapan Kontinjen PSKPP	:	Ketua Kontinjen dan Urusetia PSKPPD
Kewangan	:	Pegawai Pelndidikan Daerah
Urusetia	:	Unit Sukan, Pejabat Pendidikan Daerah JB
Pegawai Perhubungan	:	Guru Besar, SK Mohd Khir Johari

JENIS PERMAINAN / BILANGAN PEGAWAI DAN PESERTA

Bil	Permainan	Peng	J/latih	Penga- dil	Peserta		Jum
					Lelaki	Prem.	
1	Bola Sepak Senior	01	01	01	18	00	21
2	Bola Sepak Veteran	01	01	01	18	00	21
3	Bola Jaring	01	01	01	00	12	15
4	Hoki	01	01	01	18	00	21
5	Sepak Takraw	01	01	01	12	00	15
6	Boling Tenpin	01	01	00	05	05	12
7	Golf	01	00	00	08	00	9
8	Bola Tampar	01	01	01	00	12	15
9	Petanque	01	01	00	06	06	14
10	Kebudayaan (Nyanyian)	-	01	01	00	01	04
11	Ping Pong	01	01	00	04	04	10
12	Badminton	01	01	01	03	02	11
13	Futsal	01	01	01	08	00	11
14	Memamah	01	01	01	02	02	07
15	Jogathon	01	01	00	04	04	10
		15	14	09	109	48	195

**Tidak termasuk acara terbuka*

'Perkara yang penting dalam sukan bukanlah kemenangan, tetapi mengambil bahagian seperti perkara yang penting dalam hidup ialah berusaha'.

**PERATURAN AM PESTA SUKAN DAN KEBUDAYAAN
PERKHIDMATAN PELAJARAN JOHOR EDISI KE - 41
TAHUN 2013**

1. **NAMA PERTANDINGAN**
Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan
Johor Edisi ke - 41 tahun 2013

2. **PENGANJUR**
Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan
Pendidikan Johor

3. **PENGELOLA**
Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran
Daerah Klwang.

4. **PERATURAN UMUM**
Undang-undang dan Peraturan Antarabangsa bagi satu-
satu jenis permainan yang dipertandingkan dan Peraturan
Am Pesta Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan
Pelajaran Johor yang sedang berkuatkuasa sekarang akan
digunakan.

5. **PERATURAN TAMBAHAN**
Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa
penganjur dan pengelola berhak meminda / mengadakan
peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat
penganjuran Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan
Pelajaran Johor.

6. JENIS-JENIS PERMAINAN

B	Jenis Permainan	Jan	Jenis Pertandingan
1	Bola Sepak Senior	L	Berpasukan
2	Bola Sepak Veteran	L	Berpasukan
3	Bola Jaring (V&S)	W	Berpasukan
4	Sepak Takraw (V&S)	L	Berpasukan
5	Hoki	L	Berpasukan
6	Boling Tenpin / VVIP	L/W	Berpasukan / Individu / Double / Trio
7	Bola Tampar	P	Berpasukan
8	Jogathon	L+W	Individu
9	Petanque	L+W	Individu
10	Kebudayaan (solo/ du-et)	L + W	Berpasukan
11	Badmiton	L+ W	Individu
12	Ping Pong	L + W	Individu
13	Memanah	L+ W	Individu
14	Golf	L	Individu
15	Futsal (30 tahun ke-bawah)	L	Berpasukan

7. KELAYAKAN PEMAIN

- 7.1. Kejohanan ini dikhaskan kepada ahli **PSKPP Johor sahaja**.
- 7.2. Keahlian membawa maksud sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan adalah seperti berikut:
- 7.2.1. *Keahlian terbahagi kepada :-*
- (a) **Ahli Biasa :-**
Keahlian terbuka kepada semua kakitangan Jabatan Pelajaran Johor, Guni-Guru, Kerani-Kerani dan Pekerja-Pekerja Sekolah bantuan penuh di bawah pengajian dan pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, Pensyarah-Pensyarah, Kerani-Kerani dan Pekerja-Pekerja Maktab-Maktab Perguruan di seluruh Negeri Johor, Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas tanpa mengira jantina.
- (b) **Ahli Bersekutu :-**
Keahlian terbuka kepada semua tenaga pengajar dan kakitangan di Pusat-Pusat Pendidikan Persendirian di seluruh Negeri Johor, Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas tanpa mengira jantina.
- 7.2.2 *Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.*
- 7.2.3 *Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan pertama seperti yang ditentukan, diterima menjadi ahli Persatuan.*
- 7.2.4 *Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Persatuan ini kecuali dia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh yang Naib Canselor Universiti yang berkenaan.*

BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

- 7.3.1 Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut :-
(a) Bayaran Masuk :- RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja)
(b) Bayaran Yuran Tahunan :- RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja)
- 7.3.2. Yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 14 hari dari awal tiap-tiap tahun;
- 7.3.3. Bayaran Masuk dan Yuran tahunan ahli-ahli dipungut melalui Jabatan Pelajaran, Maktab-Maktab dan Sekolah-Sekolah oleh Pengarah Pelajaran, Pengetua-Pengetua atau Guru Besar tiap-tiap sekolah, dan disampaikan kepada Bendahari Persatuan melalui Jawatankuasa di setiap Daerah selewat-lewatnya pada akhir bulan Februari tiap-tiap tahun;
- 7.3.4. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih daripada jumlah yuran bagi satu (1) tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakilnya dan akan hilang hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan;
- 7.3.5. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih jumlah yuran bagi dua (2) tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu;
- 7.3.6. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan bayaran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucah disebabkan hutang;
- 7.3.7. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar yuran tersebut di dalam masa yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

7.4 Ahli bersekutu dan ahli dari politeknik atau Matrikulasi KPM adalah bertanding di daerah dimana pusat pengajian itu berada.

7.5 Ahli dari Sekolah Sukan Bandar Penawar tidak dibenarkan bermain untuk Pesta PSKPP Johor kerana status kakitangan dan pegawainya telah diputuskan bertanding di bawah MESCA.

7.6 Dalam acara veteran umur peserta lelaki adalah 40 tahun ke atas dan peserta wanita adalah 35 tahun **di kira pada tahun petandingan.**

7.7 Seorang pemain hanya dibenarkan bertanding / didaftarkan di bawah satu bahagian/ peringkat umur iaitu senior atau veteran dalam satu permainan sahaja.

7.8 Pemain tidak dibenarkan mewakili pasukan PSKPPM Daerah lain melainkan mendapat kebenaran dengan pelepasan bertulis dari Daerah asal dimana mereka berkhidmat 1 minggu sebelum pesta.

7.9 Pemain dalam kategori veteran (jika ada permainan bercampur) dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori senior dan mesti bermain dalam kategori yang sama hingga akhir pesta. Tegasnya tidak boleh bertukar kategori dalam permainan itu.

7.10 Setiap peserta hendaklah bersedia menunjukkan kad asal keahlian yang menyatakan nama, no kad pengenalan dan No keahlian.

7.11 Pegawai Pelajaran Daerah dan pengurusan pasukan berkenaan adalah bertanggungjawab penuh pada setiap nama pemain yang didaftarkan.

7.12 Sebarang bentuk penyelewengan adalah tanggungjawab Pegawai Pelajaran Daerah dan jika berlaku perkara seumpama ini, kenyataan bertulis hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola kepada Yang Dipertua PSKPP Johor.

8. JAWATANKUASA PENGELOLA PERMAINAN

8.1. Pengelola Pertandingan berhak membentuk lain-lain jawatankuasa kecil yang bersesuaian untuk menjalankan tugas-tugas pengelolaan pesta tersebut.

9. SISTEM PERTANDINGAN:

Sistem pertandingan berpasukan adalah secara liga satu pusingan dalam kumpulan dan atau secara kalah mati seperti berikut:

9.1 Jika 11 pasukan atau lebih:

Pertandingan dijalankan secara liga satu pusingan dalam kumpulan dan atau cara kalah-mati seperti berikut :

9.1.1 Perlawanan Peringkat Awal

(Secara liga satu pusingan dalam kumpulan)

Kumpulan A – 3 pasukan (termasuk Johan tahun lalu)

Kumpulan B – 4 pasukan (termasuk Naib Johan tahun lalu)

Kumpulan C – 4 pasukan (termasuk tempat ke 3 tahun lalu)

Syarat: Pasukan tuan rumah ditempatkan dalam kumpulan C (jika tiada dalam senarai keutamaan)

9.1.2 Perlawanan Peringkat Kedua

(Separuh Akhir – Kalah mati seperti berikut)

Kumpulan X

Johan Kumpulan A akan melawan Naib Johan

Kumpulan C

Kumpulan Y

Johan Kumpulan B akan melawan Johan Kumpulan C

9.1.3 Perlawanan Akhir

(Secara kalah mati seperti berikut)

Johan Kumpulan X melawan Johan Kumpulan Y

Bagi menentukan Johan dan Naib Johan.

Naib Johan Kumpulan X melawan Naib Johan

Kumpulan Y

Bagi menentukan Ketiga dan keempat.

9.2 Jika 10 Pasukan

Pasukan-pasukan akan dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu A, B dan C yang mengandungi kumpulan berikut:

Kumpulan A - 3 pasukan (termasuk Johan tahun lalu)

Kumpulan B - 3 pasukan (termasuk Naib Johan tahun lalu)

Kumpulan C - 4 pasukan (termasuk tempat tiga tahun lalu)

Syarat : Pasukan tuan rumah ditempatkan dalam kumpulan C (jika tiada dalam senarai keutamaan)

Perlawanan Peringkat Kedua

(Separuh Akhir – Kalah mati seperti berikut)

Kumpulan X

Johan Kumpulan A akan melawan Naib Johan Kumpulan C

Kumpulan Y

Johan Kumpulan B akan melawan Johan Kumpulan C

Perlawanan Akhir

(Secara kalah mati seperti berikut)

Johan Kumpulan X melawan Johan Kumpulan Y

Bagi menentukan Johan dan Naib Johan.

Naib Johan Kumpulan X melawan Naib Johan Kumpulan Y

Bagi menentukan Ketiga dan keempat.

9.3 Jika 9 pasukan

Pasukan-pasukan akan dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu A, B dan C yang mengandungi kumpulan berikut:

Kumpulan A- 3 pasukan (termasuk Johan tahun lalu)

Kumpulan B- 3 pasukan (termasuk Naib Johan tahun lalu)

Kumpulan C - 3 pasukan (termasuk tempat ke tiga tahun lalu)

Syarat: Pasukan tuan rumah ditempatkan dalam kumpulan C (jika tiada dalam senarai keutamaan)

Perlawanan Peringkat Kedua

(Separuh Akhir – Kalah mati seperti berikut)

Kumpulan X

Johan Kumpulan A melawan Naib Johan Kumpulan C

Kumpulan Y

Johan Kumpulan B melawan Johan Kumpulan C

Perlawanan Akhir (Secara kalah mati seperti berikut)
Johan Kumpulan X melawan Johan Kumpulan Y
Bagi menentukan Johan dan Naib Johan.
Naib Johan Kumpulan X melawan Naib Johan Kumpulan Y
Bagi menentukan Ketiga dan keempat.

9.4 Jika 6 – 8 pasukan yang mengambil bahagian

Pasukan akan dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu A dan B

Kumpulan A

Jika 6 penyertaan : 3 pasukan
Jika 7 penyertaan : 3 pasukan
Jika 8 penyertaan : 4 pasukan
(termasuk Johan dan tempat keempat tahun lalu)

Kumpulan B

Jika 6 penyertaan : 3 pasukan
Jika 7 penyertaan : 4 pasukan
Jika 8 penyertaan : 4 pasukan
(termasuk Naib Johan dan tempat ketiga tahun lalu)

9.5 Jika 5 atau kurang pasukan

Secara liga satu pusingan dalam kumpulan. Pasukan yang mendapat mata terbanyak dikira Johan dan seterusnya Naib Johan, Ketiga dan keempat.

9.6 Pertandingan terbuka

Undian dan seeding (jika ada) akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

10. PENDAFTARAN

10.1 Borang Pendaftaran

10.1.1 Tiap-tiap PSKPP Daerah dikehendaki memaklumkan penyertaan kepada Jawatankuasa Pengelola sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh pertandingan. Penyertaan melalui telefon tidak dibenarkan.

10.1.2 Tiap-tiap pasukan PSKPP Daerah dikehendaki mendaftar nama pegawai dan pemain sebagai mana yang disediakan oleh Jawatankuasa pengelola yang mengandungi:

- A. Nama Penuh (mengikut kad pengenalan dan Nyatakan sekali En/Cik/Puan/Haji/Hjh).
- B. No Kad Pengenalan Baru
- C. No keahlian PSKPP
- D.Pekerjaan (Nyatakan dengan jelas)
- E. Alamat pejabat/sekolah dan No telefon
- F. Alamat rumah dan no telefon.

10.1.3 Semua Borang pendaftaran yang telah lengkap hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola semasa taklimat pasukan. Selepas penyerahan borang penyertaan tidak lagi dibenarkan membuat penarikan diri. Sebarang penarikan diri adalah bertentangan dengan peraturan Am (Perkara 13) PSKPP Johor.

10.1.4 Salinan kad pengenalan, salinan slip gaji , salinan surat tawaran kerja (bagi yang berkenaan) dan surat pelepasan dari daerah asal (bagi yang berkenaan), Surat gabungan (bagi yang berkenaan) hendaklah disertakan bersama borang pendaftaran.

10.1.5 Jawatankuasa Pengelola berhak menolak mana mana borang pendaftaran yang tidak lengkap seperti para (11) dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi PSKPP Daerah dan Setiausaha PSKPP Daerah dengan Cop Rasmi.

10.1.6 Yuran Pendaftaran bagi setiap penyertaan adalah sebanyak RM 30.00 melainkan acara Gof dan tenpin Boling. (ditetapkan oleh penganjur) tetapi tidak boleh melebihi RM 300.00

10.2 Pakaian Pemain

10.2.1 Tiap-tiap pasukan dikehendaki memakai pakaian yang seragam sesuai dengan jenis permainan yang telah ditetapkan.

10.2.2 Nombor-nombor pada jersi hendaklah serupa dengan nombor-nombor yang didaftarkan dalam senarai pendaftaran .

10.2.3. Pakaian menjolok mata termasuk yang jarang adalah dilarang termasuk seluar berbentuk jeans tidak dibenarkan digunakan semasa upacara-upacara rasmi ke johan.

11. CARA MENENTUKAN KEPUTUSAN JOHAN KESELURUHAN

11.1 Pemberian mata adalah diberikan mengikut pencapaian dalam sesuatu permainan oleh pasukan seperti berikut:

Johan	-	5 mata
Naib Johan	-	3 mata
Ketiga	-	2 mata
Keempat	-	1 mata

11.2 Sekiranya jumlah mata adalah sama maka penentuan akan dibuat berdasarkan kepada jumlah Johan yang terbanyak diperolehi oleh pasukan tersebut. Jika masih seri juga hendaklah di rujuk kepada jumlah naib johan dan seterusnya.

12. MENARIK DIRI DAN MENANG TANPA BERTANDING

12.1 Mana-mana pasukan tidak dibenarkan menarik diri dari pertandingan setelah bersetuju dan diterima (selepas taklimat pengurus pasukan) menyertai pertandingan tersebut dan disahkan oleh PSKPP Daerah .

12.2 Sebarang tindakan menarik diri oleh sesuatu pasukan atau peserta adalah dianggap bertentangan dengan semangat kesukanan dan pasukan tersebut atau MSKPP Daerah berkenaan dikehendaki memberikan penjelasan bertulis kepada Yang DiPertua Jawatankuasa Kerja PSKPPJ dalam masa 3 hari.

12.3 Sekiranya mana-mana pasukan menarik diri daripada perlawanan semua keputusan perlawanan yang telah disertai oleh pasukan tersebut akan dibatalkan dan pasukan berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai sebarang perlawanan seterusnya.

13. PENGGANTUNGAN

13.1 Sesuatu pasukan / pemain yang diperintah keluar padang / gelanggang dalam masa permainan kerana tindakan tatatertib akan diminta menghadirkan diri di hadapan Lembaga Juri Rayuan yang akan bersidang dalam tempoh masa 3 jam dari masa kejadian. Pemain / Pasukan itu tidak dibenarkan menyertai pertandingan sehingga Lembaga Rayuan memberikan keputusannya.

13.2 Pegawai yang didapati bersalah kerana tindakan tatatertib akan dilaporkan oleh Jawatankuasa Pengelola kepada Lembaga Tatatertib PSKPP Johor.

13.3 Seseorang pemain yang telah digantung oleh persatuan sukan di peringkat negeri atau peringkat kebangsaan tidak boleh menyertai sebarang permainan di dalam Pesta PSKPP Johor.

14. PENGADILAN

- 14.1 Hanya pegawai yang bertauliah dan berpengalaman akan dilantik untuk bertugas di dalam pertandingan-pertandingan PSKPP Johor
- 14.2 Semua pengadil yang dilantik hendaklah terdiri daripada mereka yang bertugas dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 14.3 Setakat mana yang boleh pengadil-pengadil hendaklah terdiri daripada pasukan yang tidak terlibat didalam satu-satu perlawanan.
- 14.4 Semua PSKPP Daerah diwajibkan membawa pengadil mengikut jenis permainan yang disertai dan memastikan pengadil-pengadil berkenaan menjalankan tugas seperti yang dikehendaki. Kegagalan membawa pengadil sebagaimana yang telah ditetapkan akan didenda sebanyak RM 100.00 seorang.

15. BANTAHAN

- 15.1 Bantahan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai pasukan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya tidak lebih daripada setengah jam (30 minit) selepas perlawanan berkenaan berakhir.
- 15.2 Tiap-tiap satu bantahan hendaklah disertakan dengan bayaran **RM 300.00** bagi acara berpasukan dan **RM 200.00** bagi acara individu yang tidak akan dikembalikan jika sekiranya didapati bantahan tersebut tidak berasas.
- 15.3 Sekiranya ada bantahan yang belum dapat diputuskan di dalam jangka masa yang ditetapkan, perlawanan seterusnya hendaklah dijalankan mengikut jadual dan pasukan terlibat bertanding di bawah bantahan (under protest)
- 15.4 Jika bantahan berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan , bantahan (under protest), tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kerja PSKPP Johor

16. LEMBAGA JURI RAYUAN

16.1 Jawatankuasa pengelola akan menubuhkan satu badan Lembaga Juri Rayuan yang mengandungi Pengerusi, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya

Ahli Jawatankuasa : 5 orang

Pengerusi Jawatankuasa permainan yang berkenaan Setiausaha J/kuasa Pengelola sebagai Ex- officio
3 orang Pengurus pasukan yang tidak terlibat.

17. LEMBAGA TATATERTIB

17.1 Lembaga tatatertib akan ditubuhkan oleh PSKPP Johor yang dianggotai oleh:

Pengerusi	:	Yang DiPertua PSKPPJ atau wakilnya
Naib Pengerusi	:	Timbalan Yang DiPertua/wakilnya
Setiausaha	:	Setiausaha Agung PSKPPJ
Ahli	:	Pengerusi J/kuasa Pengelola permainan yang berkenaan dan 3 orang ahli yang dilantik.

18. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan di dalam undang-undang dan peraturan ini akan dirujuk dan diselesaikan oleh Jawatankuasa Pengelola mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang meliputi tiap-tiap satu pertandingan permainan yang sedang berkuatkuasa DAN berhak meminda atau menambah mana-mana yang bersesuaian.

19. PERINTAH AM

Sepanjang kejohanan diadakan, pegawai dan para peserta adalah tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan yang berkuatkuasa dari masa kesemasa. Urusetia PSKPP Johor atau Urusetia Kejohanan akan memanjangkan laporan kepada ketua Jabatan yang berkenaan, sekiranya terdapat pegawai / peserta yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib serta peraturan-peraturan pertandingan yang berkenaan.

**REKOD KEKERAPAN PENGELOLAAN
PESTA PSKPP JOHOR
DARI TAHUN 1973 – 2014**

TAHUN	PENGELOLAAN	JENIS PERMAINAN	JOHAN KESELURUHAN
1973	BATU PAHAT 5 - 7 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, BADMINTON	BATU PAHAT
1974	SEGAMAT 11 - 13 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, BADMINTON, SEPAK TAKRAW, BOLA TAMPAR	BATU PAHAT
1975	KLUANG 10 - 12 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, PING PONG, TENIS, PERBARISAN	BATU PAHAT
1976	MUAR 1 - 3 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, HOKI, BOLA KERANJANG, PERBARISAN, CATUR	BATU PAHAT
1977	PONTIAN 7 - 9 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, BOLA TAMPAR, JALAN KAKI, KEBUDAYAAN (BAKAT), PERBARISAN	PONTIAN
1978	JOHOR BAHRU 13 - 15 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, BADMINTON, SEPAK TAKRAW, TENIS, KEBUDAYAAN BAKAT, PERBARISAN	BATU PAHAT
1979	MERSING 29 - 30 JUN	BOLA JARING, BOLA TAMPAR, PING PONG, HOKI, JALAN KAKI, KEBUAYAAN TARIAN, PERBARISAN	BATU PAHAT
1980	KOTA TINGGI 10 - 12 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, TENIS, BOLA KERANJANG, JALAN KAKI, KEBUDAYAAN TARIAN, PERBARISAN	BATU PAHAT
1981	BATU PAHAT 18 - 20 JUN	BOLA SEPAK, BOLA JARING, BADMINTON, SEPAK TAKRAW, BOLA TAMPAR, JALAN KAKI, KEBUDAYAAN BAKAT, PERBARISAN	BATU PAHAT DAN MUAR

1983	JOHOR BAHRU 19 - 21 MEI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, BOLA TAMPAR, TENIS, BAKAT	JOHOR BAHRU
1984	KLUANG 16 - 19 MEI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, BADMINTON, BOLA TAMPAR (W), CATUR, JALAN KAKI, BAKAT	MUAR
1985	PONTIAN 16 - 18 MEI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, PING PONG, HOKI, JALAN KAKI, TARIAN, BOLA TAMPAR (W), GASING	BATU PAHAT
1986	MUAR 26 - 28 JUN	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, TENIS, BOLA TAMPAR (W), BOLA TAMPAR (L), BAKAT SENI SUARA, GASING PANGKAH, JALAN KAKI	MUAR
1987	KOTA TINGGI 9 - 11 JULAI	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, HOKI, BADMINTON, CATUR, BAKAT, OLAHRAGA : JOGATHON - LELAKI 40 TAHUN KE ATAS/WANITA ; 400M L/P; 1500M L/P, TIADA HAD UMUR. DIADAKAN SEMASA KEJOHNIAN OLAHRAGA MSSJ DI JOHOR BAHRU	MUAR
1988	MERSING 7 - 9 JULAI	BOLA SEPAK, BOLA JARING, TENIS, SEPAK TAKRAW, JOGATHON: - LELAKI VETERAN; PEREMPUAN TERBUKA, KEBUDAYAAN - TARIAN	BATU PAHAT
1989	KULAI 22 - 24 JUN	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, HOKI, BOLA KERANJANG, KEBUDAYAAN (KUGIRAN)	BATU PAHAT
1990	BATU PAHAT 14 - 16 JUN	BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, BOLA TAMPAR (L&P), BAKAT (TARIAN)	JOHOR BAHRU
1991	SEGAMAT 17 - 19 MEI	BOLA SEPAK, SEPAK TAKRAW, BOLA BALING L40/ P30, KEBUDAYAAN (NYANYIAN), TENIS	PONTIAN
1992	KLUANG 21 - 23 MEI	BOLA SEPAK (S), BOLA SEPAK (M), BOLA JARING, BOLA BALING (L), BOLA TAMPAR (W), BADMINTON DAN TARIAN RAMPAI	KLUANG
1993	KOTA TINGGI 9 - 11 SEPT.	BOLA SEPAK (S), BOLA SEPAK (M), SEPAK TAKRAW, BOLA KERANJANG, KEBUDAYAAN, HOKI	MUAR
1994	JPNMP 27 - 29 MEI	BOLA SEPAK (S), BOLA SEPAK (M), BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, SEPAK RAGA BULATAN (M), BADMINTON (C) TENIS (PASUKAN), BOLA TAMPAR (W), CATUR DAN TARIAN	JOHOR BAHRU

TAHUN	PENGELOLAAN	JENIS PERMAINAN	JOHAN KESE-LURAHAN
1995	PONTIAN 6 - 8 OKTOBER	BOLA SEPAK (S), BOLA SEPAK (V), SEPAK TAKRAW, SEPAK RAGA BULATAN, HOKI, KEBUDAYAAN (PADU SUARA), BOLA JARING (S), BOLA JARING (V), TENIS, CATUR, BOLA TAMPAR (WANITA)	BATU PAHAT
1996	MUAR 27 - 29 SEPT.	BOLA SEPAK, SEPAK TAKRAW, BOLA JARING, BOLA TAMPAR, BADMINTON, KEBUDAYAAN (PANCARAGAM), TENIS, HOKI	MUAR
1997	MERSING 8 - 10 OGOS	BOLA SEPAK, BOLA JARING, HOKI, BADMITON, SEPAK TAKRAW, TARIK TALI, KEBUDAYAAN (UNPLUGGED)	MUAR
1998	KULAI 02 - 04 OKTOBER	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, SEPAK TAKRAW SENIOR DAN VETERAN, KEBUDAYAAN (NYANYIAN SOLO).	MUAR
1999	BATU PAHAT 20 - 22 OGOS	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, SEPAK TAKRAW (SENIOR + VETERAN), BOWLING, CATUR, TENIS, KEBUDAYAAN (KOIR)	BATU PAHAT
2000	SEGAMAT	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, SEPAK TAKRAW (SENIOR + VETERAN), BOLA TAMPAR (L), CONGKAK, KUGORAN, BOWLING.	MUAR
2001	JPNMP	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, SEPAK TAKRAW (SENIOR + VETERAN), BOLA TAMPAR (W), JOGHATON, HOKI DAN BORIA	BATU PAHAT
2002	KLUANG	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, SEPAK TAKRAW (SENIOR + VETERAN), BOLA TAMPAR (W), JOGHATON, HOKI DAN KEBUDAYAAN	BATU PAHAT
2003	KOTA TINGGI	BOLA SEPAK SENIOR & VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, SEPAK TAKRAW (SENIOR + VETERAN), BOLA TAMPAR (W), JOGHATON, HOKI DAN KEDUBAYAAN	BATU PAHAT & JOHOR BAHRU

TAHUN	PENGELOLAAN	JENIS PERMAINAN	JOHAN KESELURUHAN
2004	JOHOR BAHRU	BOLA SEPAK SENIOR, & VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, S.TAKRAW SENIOR, S.TAKRAW VETERAN, BOLA TAMPAR LELAKI, BOLA TAMPAR WANITA, BADMINTON, TENPIN BOLING, JOGHATON, HOKI, KEBUDAYAAN	JOHOR BAHRU
2005	PONTIAN	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING, BOLA TAMPAR LELAKI, BOLA TAMPAR PEREMPUAN, SEPAK TAKRAW, BADMINTON, HOKI, TENIS, BOLING, JOGATHON, WOODBALL LELAKI, WOODBALL PEREMPUAN, KEBUDAYAAN - KUGIRAN	JOHOR BAHRU
2006	MUAR 15 SEPT – 17 SEPT	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, BOLA TAMPAR, BADMINTON, JOGHATON, SEPAK TAKRAW, TENPIN BOLING DAN KEBUDAYAAN (NYANYIAN SOLO)	JOHOR BAHRU
2007	MERSING 3 – 5 OGOS 2007	JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, BOLA TAMPAR, BADMINTON, JOGHATON, SEPAK TAKRAW, TENPIN BOLING DAN KEBUDAYAAN (NYANYIAN SOLO)	BATU PAHAT
2008	KULAI 31 Okt- 2 Nov 2008	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, BOLA TAMPAR, BADMINTON, JOGHATON, SEPAK TAKRAW, HOKI, TENPIN BOLING DAN KEBUDAYAAN (NYANYIAN SOLO P.RAMLE & SALOMA)	JOHOR BAHRU
2009	BATU PAHAT	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, BOLA TAMPAR, BADMINTON, JOGHATON, SEPAK TAKRAW, HOKI, TENPIN BOLING DAN KEBUDAYAAN (NYANYIAN SOLO)	BATU PAHAT
2010	SEGAMAT	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING SENIOR, BOLA JARING VETERAN, PING PONG, BADMINTON, JOGHATON, SEPAK TAKRAW, HOKI, PENTAQUE, TENIS, TENPIN BOLING DAN KEBUDAYAAN (NYANYIAN SOLO)	BATU PAHAT

TAHUN	PENGLOLAAN	JENIS PERMAINAN	JOHAN KESELURUHAN
2011	PASIR GUDANG 31 Sept – 2 Okt	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING, BADMINTON, ROAD RELAY, MEMANAH, SEPAK TAKRAW, HOKI, TENPIN BOLING, GOLF DAN KEBUDAYAAN (ZAPIN)	PASIR GUDANG
2012	KLUANG 19 Okt - 21Okt	BOLA SEPAK VETERAN, BOLA SEPAK SENIOR, BADMINTON, BOLING TENPIN, SEPAK TAKRAW, SEPAK TAKRAW VET, BOLA JARING VETERAN, BOLA JARING SENIOR, JOGATHON, PING PONG, BOLA TAMPAR, KEBUDAYAAN- GEMA TARI (SOLO / DUET LAGU ASLI / TARIAN), TENIS DAN GOLF	PASIR GUDANG
2013	JOHOR BAHRU	BOLA SEPAK SENIOR, BOLA SEPAK VETERAN, BOLA JARING, HOKI, SEPAK TAKRAW, BOLING TENPIN, GOLF, BOLA TAMPAR, PETANQUE, KEBUDAYAAN(NYANYIAN), PING PONG, BADMINTON, FUTSAL, MEMANAH, JOGATHON	
2014	JPNIPGM		

BIL	JOHAN	KEKERAPAN
1	BATU PAHAT	19
2	MUAR	9
3	JOHR BAHRU	8
4	PONTIAN	2
5	PASIR GUDANG	2
6	KLUANG	1
JUMLAH		41

Sebarang kemusykilan dan pertanyaan diajukan kepada

Naaman bin Mohd Shah Unit Sukan, Jabatan Pelajaran Johor atau Email: naamanms@yahoo.com atau 019 7941616

RINGKASAN KEPUTUSAN PERMAINAN MSKPPJB DI PERINGKAT MSKPP JOHOR TAHUN 2012

BIL	PERMAINAN	KEPUTUSAN KESELURUHAN										
		BP	JB	KLK	KT	PG	KJAYA	MKG	MR	PTN	SGT	JPNIPGM
1	B/SEPAK (V)			1					5		2	
2	B/SEPAK (S)		5	2		3				1		
3	B/ARING(S)		3	5		2			1			
4	B/ARING(V)	5	3			2				1		
5	KEBUDAYAAN					5		2	3		1	
8	BOLING TENPIN	5	2		3	1						
7	GOLF	1		5			2				3	
8	BOLA TAMPAR (V)			3		5	1		2			
9	BADMINTON	1				5				3	2	
10	PING PONG			1		5			3	2		
11	JOGATHON	5		3	2							
12	S/TAKRAW(S)	2	3						5		1	
13	S/TAKRAW(V)				3		3		7		1	
14	TENIS	3								5	2	1
JUMLAH		22	16	20	8	28	6	2	21	15	9	6

- | | |
|---------------|---------------------|
| 1JOHAN: | PASIR GUDANG |
| 2NAIB JOHAN: | BATU PAHAT |
| 3KE TIGA: | MUAR |
| 4KE EMPAT: | KLIANG |
| 5KE LIMA: | JOHOR BAHRU |
| 6KE ENAM: | PONTIAN |
| 7KE TUJUH: | SEGAMAT |
| 8KE LAPAN: | KOTA TINGGI |
| 9KE SEMBILAN: | KULAIJAYA & JPNIPGM |
| 10KE SEPULUH: | MERSING |

**RINGKASAN KEPUTUSAN PERMAINAN MSKPPJB DI PERINGKAT MSKPP JOHOR
TAHUN 2013**

BIL	PERMAINAN	KEPUTUSAN KESELURUHAN										
		BP	JB	KLG	KT	PG	KJA YA	MRG	MR	PTN	SGT	JPNIPGM
1	B/SEPAK (V)											
2	B/SEPAK (5)											
3	B/JARING											
4	HOKI											
5	KEBUDAYAAN											
6	BOLING TENPIN											
7	GOLF											
8	BOLA TAMPAR (W)											
9	PETANQUE											
10	PING PONG											
11	JOGATHON											
12	S/TAKRAW											
13	FUTSAL											
14	PING PONG											
15	MEMANAH											
16	BADMINTON											
JUMLAH												

JOHAN : _____
 NAIB JOHAN : _____
 KETIGA : _____

SEKALUNG PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada

**Tuan Hj Mohd Nor Bin A. Ghani
Pengarah Pendidikan Negeri Johor**

Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru

Unit Sukan Jabatan Pendidikan Johor

**Semua Pengetua dan Guru Besar
AJK Pelaksana Pesta Sukan dan Kebudayaan
Perkhidmatan Pelajaran**

**Semua Warga JP NJ
Daiman Bowl
Daiman Sports Complex Skudai
Stadium Hoki Taman Daya
Arena Petanque YPJ, Tmn Tampoi Utama**

Semua Pihak yang telah menyumbangkan tenaga dan memberi sokongan moral secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran kali ke 41

Syabas dan Terima Kasih